**NO SOALAN : 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**
**PARLIMEN KE-14**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU]** |
| **TARIKH** | **:** | **10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)** |

**SOALAN**

**TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [ TEBRAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apa sebabnya Kerajaan tidak akan suntik dana lagi pada MAS dan apa akan jadi pada MAS tanpa suntikan dana lagi.

**JAWAPAN**

1. Tuan Yang Dipertua, selari dengan pelaksanaan Pelan Pemulihan Malaysian Airline System Bhd (MAS) yang bertujuan menstruktur semula dan memulihkan operasi syarikat penerbangan nasional, Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah ditubuhkan pada 7 November 2014. Penubuhan MAB bertujuan untuk mengambil alih operasi, aset dan liabiliti syarikat MAS. MAB seterusnya diletakkan di bawah Malaysia Aviation Group Berhad (MAGB) yang dimiliki sepenuhnya oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah).

2. Memandangkan Kerajaan tidak mempunyai sebarang pegangan saham dalam MAGB dan MAB, sebarang cadangan pemulihan dan penstrukturan syarikat adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah Khazanah, selaku pemegang saham tunggal syarikat.

3. Sehingga kini, Khazanah telah menyuntik kira-kira RM28 bilion ke dalam syarikat penerbangan tersebut manakala jumlah liabiliti MAGB pada masa ini yang akan disusun semula adalah dianggarkan sebanyak RM16 bilion. Prestasi kewangan MAGB antara tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti berikut:

| **Tahun** | **Keuntungan/ (Kerugian) - RM** |
|---|---|
| 2015 | (1.1b) |
| 2016 | (0.7b) |
| 2017 | (1.2b) |
| 2018 | (1.3 b) |

4. Setakat 31 Ogos 2020, jumlah kecairan yang dimiliki oleh Kumpulan MAGB adalah kira-kira RM366 juta selain kira-kira RM578 juta yang tersedia untuk digunakan daripada dana yang diperuntukkan oleh Khazanah.

5. Kesan COVID-19 terhadap industri penerbangan secara global adalah amat buruk dan Malaysia Airlines tidak terkecuali daripada menerima impak daripada penularan pandemik ini. Malaysia Airlines kini beroperasi dengan kira-kira 75% daripada pesawatnya tidak dapat diterbangkan akibat sekatan perjalanan, dan turut menyaksikan kapasiti dan pendapatannya terjejas.

6. Bagi mengatasi masalah kewangan MAGB dan MAB, Kerajaan akan mengadakan rundingan lanjut dengan pihak Khazanah bagi mengenal pasti hala tuju syarikat khususnya dalam memperkukuhkan kedudukan kewangannya dan mengenal pasti penyelesaian strategik yang terbaik bagi kumpulan penerbangan tersebut. Proses penstrukturan semula turut melibatkan perundingan dengan pihak pemiutang dan pajakan pesawat.